

→ EKSKLUSIF

Badan khas urus rumah kos rendah

→ Penubuhan 3P bantu selesai isu penghuni kediaman bertingkat

Oleh Aliza Shah dan Julia Fiana
aliza.shah@nst.com.my

► Kuala Lumpur

Sebuah badan khusus akan ditubuhkan kerajaan bagi menangani pelbagai isu yang membelenggu perumahan bertingkat kos rendah dan sederhana di negara ini.

Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3P) yang bakal ditubuhkan mempunyai tanggungjawab memantau perumahan sedemikian, terutama yang dalam keadaan usang dan uzur selepas dibina lebih 20 tahun.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata perancangan besar untuk 3P termasuk menangani isu berkaitan pengurusan dan pelupusan sisa oleh penduduk perumahan terbabit.

Penubuhan badan khas berkenaan juga, katanya, akan menamatkan isu berkaitan perumahan awam yang gagal diurus dengan baik seperti berlaku di sesetengah negeri.

"Di bawah sistem sedia ada, selepas Kerajaan Pusat membina dan menyiapkan PPR (Projek Perumahan Rakyat), ia akan diserahkan kepada kerajaan negeri berkenaan. Namun, sistem ini jelas tidak ber-

kesan kerana sesetengah negeri, khususnya yang bukan ditadbir Barisan Nasional (BN), gagal menjaga kebajikan penduduk.

"Contohnya, perumahan awam di Lembah Subang, Selangor yang dalam keadaan tidak terurus dan menyedihkan. Bukan sahaja ia gagal diurus dengan baik oleh kerajaan negeri, malah diburukkan lagi apabila penduduk tidak membayar yuran penyelenggaraan.

"Kerajaan berasakan sudah tiba masanya untuk menubuhkan 3P supaya dapat membuat perancangan dan mengurus perumahan terbabit dengan lebih baik," katanya kepada NST.

Galas tanggungjawab

Katanya, badan berkenaan akan menggalas tanggungjawab mengikut Akta Badan Pengurusan Perumahan Awam Negara yang akan digubal.

"Kabinet sudah meluluskan akta terbabit dan kita sudah mengemukakan kepada Peguam Negara yang akan memuktamadkan undang-undang berkaitan sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat," katanya.

Mengenai perancangan 'robah dan bina semula' projek perumahan sedemikian yang dibina lebih 20 tahun lalu, beliau berkata, badan khas berkenaan perlu terlebih dahulu menjalankan kajian mengenai struktur perumahan terbabit.

Pada masa depan, katanya, pemilik kediaman sedemikian berpeluang mendiami kawasan perumahan dilengkapi tempat letak kenderaan mencukupi, kemudahan rekreasi lebih baik, prasekolah atau TADIKA untuk kanak-kanak serta kawasan rehat dan riadah untuk warga emas.

Noh memberi jaminan, pendu-

duk tidak akan hilang hak milik ke atas kediaman mereka walaupun ia nanti dirobohkan untuk memberi laluan kepada pembinaan semula rumah baharu yang lebih baik dan selesa kerana mereka akan dilindungi akta 3P.

Disember lalu, NST melaporkan kerajaan merancang menggubal undang-undang pembangunan semula perumahan awam bertingkat bagi menangani isu dihadapi penduduk flet dan pangsapuri awam kos rendah dan sederhana.

Pembinaan semula PPR uzur
Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Jayaselan K Navaratnam, berkata pembinaan semula PPR uzur lebih munasabah berbanding menyelenggara yang akan membabitkan kos lebih tinggi bagi jangka panjang.



Sudah tiba masanya ditubuhkan 3P supaya dapat buat perancangan dan urus perumahan terbabit"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

"Kebanyakan PPR sedia ada sudah berusia lebih 20 tahun dan kita dapat lihat kesannya sekarang. Jadi, pembangunan semula adalah caranya," katanya.

Beliau berkata, kementerian berkenaan juga berharap dapat mencontohi kejayaan Singapura dalam mengurangkan kos penyelenggaraan bangunan awamnya.

"Lihat bagaimana Singapura membina semula bandar Toa Payoh pada 1960-an. Kita tidak boleh bayangkan bagaimana keadaan bandar itu sebelum ia dibangunkan semula. Itu yang kita ingin lakukan.

"Pembangunan semula bermakna kita akan merobohkan keseluruhan bangunan dan bina yang baharu. Projek pembangunan semula akan membuka ruang untuk meminimumkan kos bagi menyanggah," katanya.

New Straits Times / FRIDAY, FEBRUARY 9, 2018

4 NEWS / Story of the day

RESIDENTS' WELFARE

FORMAL AGENCY TO THE RESCUE

The setting up of the National Housing Management Corporation is underway to look into the everyday problems faced by those living in low- and medium-cost high-rise homes. It will be parked under the Urban Wellbeing, Housing and Local Government Ministry. It says that the redevelopment plan is part of the government's initiatives to ensure that the B40 group doesn't miss out on the country's development plans, and for them to enjoy a more conducive living environment.

ALIZA SHAH AND JULIA FIANA
KUALA LUMPUR
aliza.shah@nst.com.my

As landlord issues will rise as the issue of water demand for new blocks of flats housing units.

They will have to be addressed by the government. The plan will be to build a 'new' plan that includes these issues, he said.

The corporation will be government-linked and a national-level



JENAMA


Iklan Tahun Baharu Cina TNB gamit nostalgia

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB), semalam, melancarkan iklan televisyen Tahun Baharu Cina yang menyentuh nostalgia masyarakat berbilang kaum bersama-sama menyambut sesuatu perayaan.

Iklan dalam bentuk filem pendek bertajuk *Coming Together*, mengisahkan tiga beradik yang berpegang kepada tradisi meraikan Tahun Baharu Cina bersama jiran tetangga.

Mereka bersama rakan sebaya yang juga jiran rapat sejak zaman kanak-kanak, mengembalikan nostalgia dengan persembahan tarian untuk memeriahkan kejiranan.

Iklan *Coming Together* yang berdurasi versi tiga minit boleh ditonton di YouTube.com/tenagaofficial, dan 60 saat bagi iklan televisyen.



► **Coming Together** berdurasi versi tiga minit boleh ditonton di YouTube.com/tenagaofficial, dan 60 saat bagi iklan televisyen

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab Rahman, berkata pihaknya berharap iklan itu akan mendorong penonton untuk mempertahankan warisan masing-masing.

Rasai semangat bersatu

"Kita mahu penonton sama-sama merasai semangat bersatu tanpa mengira bangsa dan agama.

"Kami di TNB menyifatkan se-

tiap perayaan sebagai pekuang untuk masyarakat Malaysia mengeratkan silaturahim di samping mengingatkan untuk sentiasa mengutamakan persahabatan dan perpaduan," katanya.

Beliau berkata, iklan berkenaan turut mengingatkan semua pihak walaupun teknologi penting dalam kehidupan seharian, ia tidak boleh menggantikan hubungan sesama manusia.